

<input checked="" type="checkbox"/> Sinar Harian
<input type="checkbox"/> Sinar Ahad
Tarikh: 10/11/2010
Hari: RABU M/S: 432
Ruangan: SUKAN

Sharp Shooter mahu ke peringkat Asia

SHAHNI FARHANA
MAT SAHIR

ALORSETAR - Bermula daripada sukarelawan Yayasan Sultanah Bahiyah (YSB), kini lapan orang daripada mereka telah menubuhkan satu pasukan dalam acara sukan paintball yang berazam untuk menyertai kejohanan di peringkat Asia tahun hadapan di Langkawi.

Ketua pasukan YSB Sharp Shooter, Mohd Akmal Zulkif Ahmad Jamil berkata, pada kejohanan paintball bulan lalu yang diadakan di Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok pasukan itu menduduki tempat kesembilan daripada 14 pasukan.

Menurutnya, walaupun tidak memperoleh tempat pertama namun mereka tidak patah semangat untuk meneruskan latihan untuk meningkatkan kemahiran dan kepakaran dalam kejohanan akan datang.



■ Mohd Akmal Zulkif (tiga, kiri) bersama pemain daripada pasukan YSB Sharp Shooter.

"Pasukan Sharp Shooter telah menyertai empat kejohanan sepanjang setahun ditubuhkan yang merupakan idea daripada pengurus pasukan iaitu Nasir Ismail.

"Kami tidak menjalankan latihan setiap hari dan hanya mengadakan latihan setiap kali menjelang kejohanan sebagai persiapan sebelum perlawanan berlangsung," katanya kepada Sinar Harian.

Mohd Akmal Zulkif berkata, pasukannya sering mengadakan latihan di YSB Paintball Park di Taman Jubli Emas, Suka Menanti.

Dia berkata, latihan sememangnya diperlukan oleh pasukan untuk memastikan pasukan itu dapat meningkatkan mutu permainan dari masa ke semasa.

Katanya, prestasi pasukan juga akan ditingkatkan

menerusi latihan yang diadakan dan dia juga yakin pemain mampu mempamerkan permainan yang lebih baik menerusi latihan yang diadakan.

"Pasukan kita juga turut menyediakan pemain simpanan bagi memastikan adanya pengganti sekiranya berlaku kecederaan kepada pemain yang sedang beraksi," katanya.